

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
[PETRAJAYA]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak dititik beratkan dalam usaha kerajaan melaksanakan pelan rasionalisasi Malaysia Airlines Berhad kerana pengangkutan udara sangat penting kepada penduduk kedua wilayah ini.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, isu berhubung pelan rasionalisasi Malaysia Airlines Berhad (MAB) adalah di bawah seliaan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Kementerian Pengangkutan dimaklumkan bahawa Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif penstrukturan semula Malaysia Airlines termasuk Pelan Pemulihan MAS (PPM) 2014 – 2019 untuk memulihkan kedudukan dan prestasi kewangan dan operasi. Sepanjang tempoh tersebut, MAS menghadapi pelbagai cabaran termasuk pertumbuhan penumpang yang menyederhana dan diganggu oleh perang harga serta amalan pesaing industri yang mencipta lebihan penawaran dengan izin, *over supply*. Cabaran lain termasuklah ketidakstabilan harga minyak dan ketidaktentuan dalam tukaran wang asing.
2. Kementerian Pengangkutan ingin memperjelaskan bahawa sebarang pelan rasionalisasi yang telah dan akan dilaksanakan oleh MAB tidak akan menjejaskan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services – RAS*) sedia ada yang disediakan oleh MASwings.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, RAS merupakan perkhidmatan udara yang tidak ekonomik yang dijalankan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak di mana pengangkutan udara merupakan mod pengangkutan utama yang menghubungkan penduduk di kawasan luar bandar dengan dunia luar. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus komited dalam meneruskan perkhidmatan RAS yang disediakan oleh MASwings bagi kemudahan penduduk di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak dengan menyediakan peruntukan subsidi yang secukupnya.
4. Bagi maksud tersebut, pada 3 Januari 2019, Kerajaan Malaysia telah menandatangani satu perjanjian baharu dengan syarikat penerbangan MASwings bagi meneruskan penyediaan perkhidmatan RAS di Sabah dan Sarawak untuk tempoh 6 tahun yang akan datang iaitu bermula 2019 hingga 2024 selaras dengan kajian semula oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission – MAVCOM*). Sekian, terima kasih.